

**1. Tinjauan Keseluruhan**

Terma dan syarat dalam ini hendaklah berkuat kuasa ke atas semua kad dan kad tambahan yang dikeluarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank"). Pelanggan dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat sebelum bersetuju untuk melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan dan/atau mengambil bahagian dalam kempen dan promosi kami.

**2. Definisi**

Dalam Terma dan Syarat ini, sekiranya sesuai dengan konteksnya, perkataan berikut hendaklah mempunyai maksud yang ditetapkan baginya:-

<b>"Saudagar Bukan Kendalian Kami"</b>	Mana-mana transaksi iaitu pemeroleh dan pengeluar kad bukan ahli yang sama;
<b>"Saudagar Kendalian Kami"</b>	Mana-mana transaksi iaitu pemeroleh dan pengeluar ialah ahli yang sama;
<b>"Pusat Pengeluaran Tunai Sah"</b>	Mana-mana bank, ATM atau gedung yang dibenarkan menerima MasterCard atau Visa atau mana-mana pemilik jenama lain iaitu Bank merupakan ahli pengeluaran tunai;
<b>"Saudagar Sah"</b>	Pihak yang menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan dan menerima Kad-i sebagai bentuk pembayaran;
<b>"Tempoh Penyediaan"</b>	Tempoh tidak melebihi tempoh Pembiayaan Kad Kredit-i Bank Islam iaitu wang dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam disediakan untuk digunakan oleh Ahli Kad-i.
<b>"Harga Belian Bank"</b>	Amaun yang perlu dibayar atau yang dibayar oleh Bank kepada Penjual Komoditi;
<b>"Harga Jualan Bank "</b>	Harga jualan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad-i kepada Bank yang merangkumi harga daripada Harga Belian Bank dan keuntungan daripada Bank di bawah Pembiayaan Kad Kredit-i Bank Islam tersebut;
<b>"Akaun Marginal Kad-i"</b>	Akaun "financing payable" Ahli Kad-i dengan pihak Bank iaitu hasil daripada jualan Komoditi kepada Pembeli Komoditi akan dikreditkan dan digunakan oleh Ahli Kad-i menurut Terma dan Syarat ini;
<b>"Pembiayaan Kad-i Bank Islam"</b>	Merujuk pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank kepada Ahli Kad-i untuk penggunaan tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat di sini.
<b>"Kad-i"</b>	Kad Kredit-i MasterCard atau Visa Bank Islam atau sebarang kad kredit atau kad caj lain yang dikeluarkan oleh Bank termasuk Kad Tambahan yang dikendalikan menurut Terma dan Syarat ini.

<p><b>“Ahli Kad-i”</b></p>	<p>Merujuk individu iaitu Kad-i dikeluarkan dan namanya dipaparkan pada Kad-i dan tandatangan pada Kad-i yang merupakan pengguna sah yang dibenarkan termasuk pemegang “Ahli Kad-i Tambahan”.</p>
<p><b>“Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam”</b></p>	<p>Penyata bulanan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad-i yang antara lain menunjukkan 'inter alia' transaksi yang dipaparkan dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam ;</p>
<p><b>“Pengeluaran Tunai”</b></p>	<p>Tunai yang dikeluarkan daripada mana-mana Bank, ATM atau gedung yang diberi kuasa untuk menerima MasterCard atau Visa atau mana-mana pemilik jenama lain iaitu Bank merupakan ahlinya.</p>
<p><b>“Komoditi”</b></p>	<p>Apa-apa komoditi yang diniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank (tidak termasuk emas dan perak) atau apa-apa komoditi atau aset dalam setiap kes dengan syarat komoditi atau aset itu boleh diterima oleh Bank.</p>
<p><b>“Pembeli Komoditi”</b></p>	<p>Mana-mana pihak ketiga, selain daripada Penjual Komoditi, iaitu Bank boleh menjual Komoditi bagi pihak Ahli Kad-i.</p>
<p><b>“Penjual Komoditi”</b></p>	<p>Mana-mana pihak ketiga daripada mana Bank akan membeli Komoditi supaya menjualnya kepada Ahli Kad-i;</p>
<p><b>“Pengesahan Transaksi”</b></p>	<p>Pengesahan Transaksi yang berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi dikeluarkan atas permintaan Ahli Kad-i, oleh Bank kepada Ahli Kad-i untuk mengesahkan penjualan komoditi kepada Ahli Kad-i dan Komoditi Pembeli.</p>
<p><b>“Kejadian-kejadian Kemungkiran”</b></p>	<p>Apa-apa keadaan yang dinyatakan dalam Klausa 22 dalam ini;</p>
<p><b>“Barangan dan perkhidmatan halal”</b></p>	<p>Barangan dan perkhidmatan yang diterima dan mematuhi kehendak Syariah;</p>
<p><b>“Keberhutangan”</b></p>	<p>Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagian yang belum dijelaskan dan semua wang lain yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran, kos (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan Ahli Kad-i), caj dan perbelanjaan yang matang dan perlu dibayar kepada Bank seperti di bawah Terma dan Syarat ini;</p>
<p><b>“MasterCard”</b></p>	<p>MasterCard Worldwide yang ditubuhkan dan diasaskan seperti di bawah undang-undang Negeri Delaware, Amerika Syarikat dan beribu pejabat di 2000 Purchase Street, Purchase NY 10577 iaitu Bank ialah ahli utama;</p>

<b>“Bank Ahli”</b>	Institusi kewangan yang merupakan ahli MasterCard Worldwide atau Visa International atau mana-mana pemilik jenama lain iaitu Bank merupakan ahli;
<b>“Bulan”</b>	Bulan kalendar Gregory.
<b>“Tarikh Matang Bayaran”</b>	Tarikh yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam iaitu Jumlah Minimum Perlu Dibayar atau sebarang jumlah lain yang dinyatakan.
<b>“PIN”</b>	Nombor pengenalan peribadi Ahli Kad-i atau Ahli Kad-i Tambahan.
<b>“Margin Keuntungan”</b>	Perbezaan antara Harga Jualan Bank yang perlu dibayar dan Harga Belian Bank dan kaedah pengiktirafan margin keuntungan sebagai pendapatan Bank hendaklah dibuat menurut polisi perakaunan Bank yang wujud pada masa yang berkenaan;
<b>“Hasil Jualan”</b>	Jumlah yang perlu dibayar kepada Ahli Kad-i bagi jualan komoditi kepada mana-mana pihak ketiga oleh Bank sebagai ejen bagi Ahli Kad-i yang mana jumlah tersebut juga mewakili Had Pembiayaan Kad-i Bank Islam;
<b>“Ejen Belian”</b>	Bank bertindak sebagai ejen belian bagi pihak Ahli Kad-i;
<b>“Harga Belian Bank”</b>	Amaun perlu dibayar atau dibayar oleh pihak Bank kepada Penjual Komoditi;
<b>“Ringgit Malaysia”</b>	Mata wang sah Malaysia dan diguna pakai bagi semua pembayaran yang perlu dibuat seperti di bawah Terma dan Syarat ini;
<b>“Ejen Jualan”</b>	Bank bertindak sebagai ejen jualan bagi pihak Ahli Kad-i;
<b>“Kad Tambahan”</b>	Kad-i yang dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad-i Tambahan;
<b>“Tawarruq”</b>	Pembelian komoditi (iaitu aset yang ditransaksi dalam aturan Tawarruq) secara bayaran tertanggung melalui mana-mana Bai' Musawamah atau Bai' Murabahah. Komoditi kemudian dijual secara tunai kepada pihak selain daripada penjual asal.
<b>“Ahli Kad-i Tambahan”</b>	Sesiapa yang dicalonkan dan dibenarkan oleh Ahli Kad-i untuk menggunakan Kad Tambahan dan bersetuju untuk terikat dengan peruntukan Terma dan Syarat ini;
<b>“Visa”</b>	Visa International Service Association, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Negeri Delaware, beribu pejabat di 900 Metro Centre Boulevard, Foster City, State of California, 94404 United States of America iaitu Bank adalah ahli utama;

"Visa Paywave"	Pembayaran tanpa sentuh untuk pembelian runcit dengan aplikasi Paywave. Hanya untuk kad terpilih dengan logo tanpa sentuh sahaja.
----------------	---

**3. Tafsiran.**

- (a) Perkataan dan pernyataan yang merujuk pada satu hendaklah termasuk lebih daripada satu dan sebaliknya dan perkataan dan pernyataan yang merujuk pada jantina lelaki sahaja hendaklah termasuk jantina perempuan atau jantina neutral.
- (b) Rujukan kepada klausa dan jadual hendaklah merujuk pada Klausa dan Jadual kepada Terma dan Syarat ini, melainkan dinyatakan sebaliknya secara tersurat.
- (c) Tajuk dalam Terma dan Syarat ini disertakan untuk kesenangan pembaca sahaja dan hendaklah diabaikan apabila mentafsirkan peruntukan Terma dan Syarat ini.

**4. Mekanisma Pembiayaan Kad-i Bank Islam**

Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang ditawarkan oleh pihak Bank adalah berdasarkan konsep Syariah iaitu Tawarruq. Ahli Kad-i akan mendapat jumlah pembiayaan melalui cara-cara berikut:-

- (a) **Pembelian Komoditi oleh Ahli Kad-i daripada Bank**  
Selaras dengan pelantikan Bank sebagai Ejen Belian, iaitu Ahli Kad-i telah melantik pihak Bank sebagai ejen untuk membeli Komoditi daripada pihak Bank dengan Harga Jualan Bank yang telah dipersetujui, pihak Bank hendaklah membuat suatu transaksi Murabahah dengan Ahli Kad-i iaitu Ahli Kad-i akan membayar Harga Jualan Bank secara pembayaran tertanggung.
- (b) **Jualan Komoditi oleh Ahli Kad-i melalui Bank Sebagai Ejen**  
Selaras dengan pelantikan Bank sebagai Ejen Jualan, iaitu Ahli Kad-i telah melantik pihak Bank sebagai ejen untuk menjual Komoditi itu bagi tujuan merealisasikan Hasil Jualan tersebut, pihak Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pembeli Komoditi dengan bayaran secara serta merta. Hasil Jualan yang diperolehi yang mana hendaklah bersamaan dengan jumlah Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Marginal Kad-i.
- (c) **Pengesahan Transaksi**  
Setelah selesai aktiviti penjualan Komoditi kepada Pembeli Komoditi, pihak Bank akan mengeluarkan Pengesahan Transaksi diatas permintaan Ahli Kad-i.
- (d) **Pengambilalihan Komoditi**  
Ahli Kad-i mempunyai pilihan untuk mengambil Komoditi secara fizikal dan Ahli Kad-i hendaklah menanggung semua kos dan perbelanjaan berhubung dengannya.
- (e) **Ibra' (Rebat)**  
Pihak Bank berhak untuk memberikan Ibra' (rebat) ke atas sebahagian atau keseluruhan baki keuntungan daripada Harga Jualan Bank kepada Ahli Kad-i hanya selepas penyelesaian penuh dan pembatalan Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

**5. Agensi**

**(a) Skop Agensi**

- (i) Pelantikan Bank sebagai Ejen Belian dan Ejen Jualan oleh Ahli Kad-i hendaklah tidak bersyarat dan tidak boleh ditarik balik. Pihak Bank, sebagai ejen Ahli Kad-i, hendaklah bertindak bagi pihak Ahli Kad-i bagi menyempurnakan pembelian Komoditi daripada pihak Bank dan untuk bertindak bagi pihak Ahli Kad-i bagi menyempurnakan jualan Komoditi Ahli Kad-i kepada Pembeli Komoditi.
- (ii) Pelantikan agensi hendaklah berkuat kuasa daripada tarikh pelantikan dan hendaklah terpakai dan memadai untuk sebarang pembaharuan atau perubahan pada had kemudahan Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (iii) Pihak Bank dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan menyampaikan apa-apa dokumen atau instrumen yang dianggap perlu oleh pihak Bank untuk melaksanakan tanggungjawabnya berhubung dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Klausula 4.
- (iv) Bank hendaklah menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa Hasil Jualan Komoditi tersebut hendaklah tidak kurang daripada Harga Belian Bank.
- (v) Tanpa prejudis kepada keluasan Klausula 5, Ahli Kad-i bersetuju bahawa seperti di bawah pengaturannya pihak Bank dengan Pembeli Komoditi atau mana-mana pembekal atau rakan niaga pihak ketiga, pihak Bank boleh (dan Ahli Kad-i bersetuju bahawa pihak Bank boleh) mendedahkan bahawa ia bertindak sebagai ejen Ahli Kad-i dan menamakan Ahli Kad-i sebagai prinsipalnya.
- (vi) Ahli Kad-i boleh membuka dan mengekalkan akaun atau pelbagai akaun dengan Bank iaitu pihak Bank adalah pihak yang dibenarkan untuk menyelenggara bagi pihak Ahli Kad-i (jika berkenaan).
- (vii) Pihak Bank mengakui dan mengesahkan bahawa semua Hasil Jualan kepada Ahli Kad-i berkenaan dengan penjualan Komoditi seperti dimaksudkan dalam Klausula 5 di atas akan dikreditkan ke dalam Akaun Marginal Kad-i dan Ahli Kad-i hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam Terma dan Syarat ini.

**(b) Had Skop Agensi**

- (i) Berkaitan dengan kuasa, budi bicara, kuasa dan obligasi seperti Terma dan Syarat ini, Bank hendaklah bertindak semata-mata sebagai ejen kepada Ahli Kad-i secara terhad (iaitu sebagai ejen secara perjanjian demi perjanjian) setakat yang diperuntukkan dengan nyata dalam ini sahaja, dan hendaklah tidak dianggap sebagai ejen untuk dan bagi pihak Ahli Kad-i dalam apa jua perkara lain.
- (ii) Pelantikan Bank sebagai Ejen Pembelian hendaklah berkuat kuasa daripada tarikh pelantikan Bank sebagai Ejen Pembelian dan hendaklah terpakai dan mencukupi untuk apa-apa pembaharuan atau pengubahan kepada had Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

(iii) Pelantikan Bank sebagai Ejen Jualan hendaklah berkuat kuasa daripada tarikh pelantikan Bank sebagai Ejen Jualan dan hendaklah terpakai dan mencukupi untuk apa-apa pembaharuan atau pengubahan kepada had Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

(c) **Yuran Brokeraj dan Perbelanjaan**

Setiap perbelanjaan, yuran dan komisen yang tidak dapat ditentukan nilai dan tidak diinvois kepada Bank oleh Pembeli Komoditi pada masa Ahli Kad-i bertanggungjawab untuk membayar Harga Jualan Bank mengikut Terma dan Syarat ini, maka perbelanjaan, yuran dan komisen yang menjadi terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i hendaklah dijelaskan kepada pihak Bank sebaik sahaja penerimaan invois yang berkaitan daripada Pembeli Komoditi, dan kemudian pihak Bank menyediakan invois yang berkenaan kepada Ahli Kad-i.

**6. Bayaran Harga Jualan**

- (a) Harga Jualan atau sebahagian daripadanya yang masih belum dibayar hendaklah dibayar oleh Ahli Kad-i menurut Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang dikeluarkan oleh Bank pada Tarikh Matang Bayaran atau dalam sebarang jumlah lain yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Jumlah yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang matang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i hendaklah, sekiranya tiada kesilapan ketara, menjadi bukti muktamad bahawa jumlah tersebut adalah matang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i kepada Bank. Semua bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad-i menurut setiap Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam hendaklah dianggap sebagai bayaran untuk menjelaskan Harga Jualan atau bahagian yang belum dibayar seperti di bawah Terma dan Syarat ini.
- (b) Walau apa pun peruntukan Klausula 6(a) di atas, selepas menerima Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam, Ahli Kad-i hendaklah membayar Jumlah Minimum Perlu Dibayar kepada Bank atau sehingga jumlah yang masih terhutang pada atau sebelum Tarikh Matang Bayaran seperti yang dinyatakan pada Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (c) Semua bayaran kepada pihak Bank hendaklah dibuat dalam mata wang yang sama dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Bayaran oleh Ahli Kad-i tidak akan dianggap sudah dibuat sehingga bayaran tersebut telah diterima nilainya oleh pihak Bank. Semua bayaran menerusi cek luar negeri hendaklah disertakan dengan Komisen Tukaran Dalam Negeri, mana yang berkenaan. Kegagalan memasukkan komisen tersebut membolehkan pihak Bank mendebit akaun Ahli Kad-i untuk jumlah tersebut.
- (d) Sekiranya Kad-i dikendalikan sebagai kad caj dan bayaran jumlah penuh baki semasa diperlukan untuk dibayar setiap bulan, maka Jumlah Minimum Perlu Dibayar adalah jumlah baki semasa belum jelas yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (e) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana peruntukan dalam ini, pihak Bank boleh dengan budibicara penuh menguatkuasakan semua atau sebarang bayaran tersebut dalam sebarang cara lain yang dianggap sesuai dan wajar oleh pihak Bank.

**7. Penerimaan Pembiayaan Kad-i Bank Islam**

- (a) Sebelum Ahli Kad-i menandatangani dan/atau menggunakan Kad-i tersebut, Ahli Kad-i perlu membaca Terma dan Syarat ini terlebih dahulu kerana penggunaan atau penerimaan Kad-i oleh Ahli Kad-i adalah tertakluk pada Terma dan Syarat ini. Penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad-i dan penerimaan Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang dihantar kepada Ahli Kad-i oleh Bank hendaklah menjadi bukti muktamad kontrak yang mengikat antara Ahli Kad-i dan Bank dan bukti tersebut boleh digunakan di mana-mana Mahkamah Undang-Undang sekiranya berlaku pertikaian. Ahli Kad-i menerima tanggungjawab terhadap caj yang ditanggung semasa penggunaan Kad-i termasuk pembelian runcit, pendahuluan tunai, pindahan baki, ansuran, dan sebarang bentuk caj-caj lain. Ahli Kad-i menerima tanggungjawab bagi had pembiayaan yang diberikan dan/atau disediakan kepada Ahli Kad-i atau Ahli Kad-i Tambahan.
- (b) Ahli Kad-i hendaklah memastikan bahawa tandatangan Ahli Kad-i pada Kad-i adalah sama seperti yang diturunkan pada borang permohonan. Tandatangan Ahli Kad-i pada sebarang draf jualan, rekod transaksi, baucar kredit dan/atau sebarang rekod caj transaksi hendaklah membentuk bukti yang mengikat dan muktamad bagi persetujuan dan penerimaan Ahli Kad-i terhadap caj tersebut. Bagaimanapun, ketiadaan tandatangan Ahli Kad-i bagi mana-mana rekod transaksi, baucar kredit dan/atau sebarang rekod caj transaksi termasuk mana-mana transaksi elektronik atau telefon atau menerusi alamat pos tidak mengenenpikan liabiliti Ahli Kad-i bagi transaksi tersebut. Ahli Kad-i dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh batal bahawa selagi mana Kad-i digunakan dalam apa-apa transaksi elektronik atau internet atau telefon atau pos, Ahli Kad-i hendaklah menanggung liabiliti dan penggunaan Kad-i seperti yang dinyatakan di atas dan dianggap sebagai bukti yang mengikat dan muktamad bagi persetujuan dan penerimaan Ahli Kad-i terhadap caj yang dikenakan.

**8. Penerimaan Kad-i**

- (a) Sebagai balasan pihak kepada Bank mengeluarkan Kad-i kepada Ahli Kad-i dan Ahli Kad-i Tambahan (jika ada), Ahli Kad-i dan Ahli Kad-i Tambahan bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang terkandung dalam ini termasuk tetapi tidak terhad kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kad-i dan sebarang terma dan syarat lain yang mungkin dimasukkan oleh pihak Bank daripada semasa ke semasa.
- (b) Penggunaan Kad-i adalah terhad kepada Ahli Kad-i yang menerima Kad-i yang dikeluarkan kepadanya, untuk digunakan di mana-mana Saudagar Sah yang dibenarkan menerima MasterCard atau Visa atau mana-mana pemilik jenama lain sebagai kaedah pembayaran iaitu pihak Bank merupakan ahli. Ahli Kad-i hendaklah menandatangani di belakang Kad-i serta-merta selepas menerima Kad-i.
- (c) Ahli Kad-i tidak boleh membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad-i dan tidak boleh memindahkan atau melepaskan kawalan atau pemilikan Kad-i atau menggunakannya untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh pihak Bank.
- (d) Sekiranya Ahli Kad-i tidak mahu terikat dengan Terma dan Syarat ini, Ahli Kad-i hendaklah memusnahkan Kad-i dengan cara memotong jalur magnetik dan cip dan memulangkannya serta-merta kepada Bank dengan notis bertulis bahawa beliau memulangkan Kad-i untuk dibatalkan dan selepas itu menjelaskan Harga Jualan atau

mana-mana bahagian daripadanya yang belum dibayar seperti di bawah Terma dan Syarat ini bersama jumlah yang masih terhutang dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam.

**9. Penggunaan Kad-i**

- (a) Ahli Kad-i hendaklah menanggung liabiliti kepada pihak Bank bagi semua transaksi yang dilaksanakan oleh Ahli Kad-i dan/atau Ahli Kad-i Tambahan yang menggunakan Kad-i dan bagi semua yuran berkaitan yang diinvoiskan ke Akaun Marginal Kad-i Bank Islam.
- (i) Untuk melaksanakan pembelian kredit daripada mana-mana Saudagar Sah, Ahli Kad-i mesti menandatangani Draf Jualan yang disediakan oleh Saudagar Sah atau memasukkan PIN di terminal jualan Saudagar Sah;
- (ii) Untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai menggunakan Kad-i daripada mana-mana Pusat Pengeluaran Tunai Sah, Ahli Kad-i mesti menandatangani Draf Pengeluaran Tunai yang disediakan oleh Pusat Pengeluaran Tunai Sah atau memasukkan PIN di terminal jualan Saudagar Sah;
- (iii) Untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai menerusi ATM, Ahli Kad-i hendaklah menggunakan PIN untuk mengakses Akaun Marginal Kad-i Bank Islam;
- (b) Walau apa pun peruntukan yang ditetapkan dalam Klausa 9(a) di atas, Ahli Kad-i dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk membeli draf jualannya yang tidak ditandatangani dan mendebit Akaun Marginal Kad-i Bank Islam untuk bayaran yang dibuat oleh pihak Bank kepada Saudagar Sah atau Bank Ahli jika pihak Bank berpendapat bahawa berasaskan bukti dokumen yang berkaitan, bahawa ketiadaan tandatangan tersebut disebabkan oleh jenis transaksi, isu teknikal atau disebabkan kesilapan pada pihak Ahli Kad-i dan/atau Saudagar Sah dan/atau Bank Ahli.
- (c) Pihak Bank berhak untuk menganggap rekod sebarang transaksi yang dilaksanakan menerusi penggunaan Kad-i, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang dilaksanakan menerusi perdagangan elektronik, pesanan pos, menerusi telefon atau terminal tempat jualan khusus termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi di stesen petrol dan/atau menerusi sebarang kaedah lain yang diperkenalkan/diguna pakai daripada semasa ke semasa sebagai bukti hutang yang ditanggung oleh Ahli Kad-i yang perlu didebit ke dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam walaupun rekod sedemikian tidak mengandungi tandatangan Ahli Kad-i.
- (d) Semua Ahli Kad-i yang beragama Islam dinasihatkan untuk mematuhi peraturan dan prinsip pematuhan Syariah semasa menggunakan Kad-i. Kad ini tidak boleh digunakan di rakan dagang yang dikategorikan sebagai tidak halal berdasarkan "Merchant Category Code" (MCC) seperti yang berikut:-

MCC	Kategori Transaksi
5921	Kedai Pakej, Bir, Wain, Arak
5973	Kedai Barangan Keagamaan
7261	Perkhidmatan Upacara Kematian dan Pembakaran



7273	Temu Janji, Perkhidmatan Pengiring
7297	Pusat Urut
7995	Perjudian (termasuk tiket loteri, token and permainan kasino, perjudian terpesong, taruhan, dan permainan perjudian dalam talian)
9754	Perjudian – Lumba Kuda, Lumba Anjing, Loteri dibenarkan oleh Negeri/Negara

- (e) Penggunaan Kad-i untuk melaksanakan pengeluaran tunai hendaklah terhad kepada jumlah yang ditentukan oleh pihak Bank atas budi bicara mutlaknya.
- (f) Jika Ahli Kad-i menggunakan Kad-i untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan menerusi laman atau portal Internet, Ahli Kad-i hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaan sedemikian pada setiap masa. Ahli Kad-i bersetuju bahawa catatan maklumat Kad-i pada Internet hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan sedemikian. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan yang diambil atau penggunaan Kad-i tanpa mengira sama ada pihak tersebut diberi atau tidak diberi kebenaran dan tanpa mengira keadaan yang wujud pada masa transaksi dilakukan. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak menggunakan budi bicaranya untuk tidak menyempurnakan transaksi sedemikian menerusi internet sekiranya pihak Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihannya atau berpendapat transaksi tersebut tidak sah di sisi undang-undang atau tidak wajar untuk disempurnakan atas sebab-sebab lain.
- (g) Apabila Ahli Kad-i mempunyai dua atau lebih Kad-i, jumlah Pembiayaan Kad-i Bank Islam tergabung akan diberikan oleh pihak Bank kepada Akaun Marginal Kad-i Bank Islam yang mewakili jumlah keseluruhan Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang diberikan untuk meliputi penggunaan semua Kad-i yang dipegang oleh Ahli Kad-i dan Ahli Kad-i Tambahan, jika ada.
- (h) Bank tidak akan menanggung liabiliti bagi sebarang tindakan atau tinggalkan oleh pihak Saudagar Sah termasuk keengganan Saudagar Sah untuk menerima Kad-i atau sebarang kerosakan atau kekurangan dalam mana-mana barangan atau perkhidmatan yang disediakan oleh Saudagar Sah.
- (i) Ahli Kad-i hendaklah menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian dengan Saudagar Sah secara terus dan bukan menerusi pihak Bank. Ahli Kad-i berjanji untuk tidak membabitkan pihak Bank dalam sebarang tuntutan dan/atau pertikaian atau tindakan undang-undang terhadap Saudagar Sah.
- (j) Sebarang tuntutan/pertikaian yang mungkin melibatkan Ahli Kad-i dan Saudagar Sah tidak akan melepaskan Ahli Kad-i daripada obligasi untuk membayar pihak Bank jumlah yang timbul daripada penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad-i dan/atau Ahli Kad-i Tambahan seperti yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (k) Ahli Kad-i tidak dibenarkan untuk menggunakan Pembiayaan Kad-i Bank Islam selepas tamat Tempoh Penyediaan melainkan transaksi Tawarruq baru dimeterai di antara pihak Bank dan Ahli Kad-i.

- (l) Tertakluk pada terma dan syarat Pembiayaan Kad-i Bank Islam, Ahli Kad-i boleh menggunakan wang yang disimpan dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam daripada semasa ke semasa tertakluk pada jumlah Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (m) Caj pra-kebenaran sebanyak RM200 akan dipegang sementara daripada Akaun Marginal Kad-i apabila Kad-i digunakan untuk transaksi petrol di pam layan diri (pengisian petrol secara automatik). Amaun transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Marginal Kad-i dan pihak Bank akan memulangkan semula lebih amaun caj pra-kebenaran (jika ada) ke dalam akaun yang sama dalam masa 3 hari bekerja daripada tarikh transaksi. Walau bagaimanapun, caj pra-kebenaran ini tidak diguna pakai apabila Ahli Kad-i membuat pembayaran menggunakan Kad-i di kaunter.
- (n) Ahli Kad-i tidak digalakkan menulis nombor PIN atau menyimpannya secara berdekatan yang membolehkan ianya mudah diambil/curi/hilang dengan Kad-i.
- (o) Ahli Kad-i tidak digalakkan menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon sebagai nombor PIN.
- (p) Ahli Kad-i bersetuju mematuhi Terma dan Syarat penggunaan Kad-i tersebut.

**10. Kad Tambahan**

- (a) Atas permintaan Ahli Kad-i, pihak Bank boleh atas budi bicara penuh dan mutlaknya, mengeluarkan Kad Tambahan kepada orang yang dinamakan oleh Ahli Kad-i seperti di bawah Akaun Marginal Kad-i Bank Islam.
- (b) Ahli Kad-i hendaklah bertanggungjawab ke atas semua liabiliti, obligasi dan caj yang dikenakan ke atas Ahli Kad-i dan/atau Ahli Kad-i Tambahan seperti di bawah Akaun Marginal Kad-i Bank Islam. Walau bagaimanapun, Ahli Kad-i Tambahan tidak secara bersama atau berasingan bertanggungjawab serta menanggung liabiliti Ahli Kad-i Utama atau Ahli Kad-i Tambahan yang lain. Ahli Kad-i hendaklah memastikan bahawa Ahli Kad-i Tambahan mematuhi semua terma, syarat dan obligasi yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini.
- (c) Kad Tambahan yang dikeluarkan boleh dibatalkan menerusi notis bertulis daripada Ahli Kad-i, disertakan dengan Kad Tambahan kepada pihak Bank setelah memotong jalur magnetik dan cip. Walaupun notis terdahulu telah diberikan tentang hasrat Ahli Kad-i untuk membatalkan atau menamatkan penggunaan Kad-i Tambahan, Ahli Kad-i hendaklah dan masih perlu menanggung liabiliti bagi sebarang transaksi (sah atau tidak sah) yang dilaksanakan menerusi penggunaan Kad-i Tambahan sehingga tarikh Kad-i tersebut dipulangkan kepada pihak Bank oleh Ahli Kad-i.
- (d) Tempoh sah Kad-i Tambahan bergantung kepada tempoh sah Kad-i. Selepas penggunaan Kad-i ditamatkan atau penamatan Terma dan Syarat ini dan/atau penamatan sebarang Dokumen Sekuriti lain atas apa jua sebab, Kad-i Tambahan yang dikeluarkan di bawahnya juga ditamatkan serta merta.

**11. Transaksi Luar Negara**

- (a) Ahli Kad-i boleh menggunakan Kad-i di luar Malaysia di gedung Saudagar Sah dan Pusat Pengeluaran Tunai Sah tetapi Ahli Kad-i hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank setiap kali Ahli Kad-i telah ke atau bercadang untuk ke luar Malaysia.
- (b) Ahli Kad-i boleh menggunakan Kad-i untuk mengeluarkan tunai di mana-mana ATM Bank yang ditetapkan dan ATM Bank Ahli turut serta yang lain.
- (c) Apabila Ahli Kad-i menggunakan Kad-i di luar Malaysia, transaksi hendaklah dicaj dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran dan pada masa transaksi dilakukan yang akan ditetapkan oleh MasterCard Worldwide atau Visa International atau mana-mana pemilik jenama iaitu Bank merupakan ahli, atas budi bicara mutlaknya.
- (d) Mana yang berkenaan, Ahli Kad-i hendaklah memberi kuasa kepada Bank untuk mengambil langkah untuk mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (Foreign Exchange Administration Rules) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bagi sebarang transaksi luar negara.

**12. Pembayaran tanpa sentuh**

Kad-i yang dikeluarkan oleh pihak Bank adalah dengan ciri tanpa sentuh yang mana berfungsi di kesemua Saudagar Sah yang mengambil bahagian untuk transaksi runcit maksimum RM250 bagi setiap transaksi atau RM2,000 sehari dan tidak memerlukan tandatangan Ahli Kad-i. Walau bagaimanapun, bagi transaksi melebihi RM250, tandatangan Ahli Kad-i adalah diperlukan.

**13. Akaun Marginal Kad-i Bank Islam**

- (a) Pihak Bank akan menyelenggara Akaun Marginal Kad-i Bank Islam bagi pihak Ahli Kad-i dan Ahli Kad-i Tambahan untuk setiap Kad-i yang dipegang dan semua transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad-i dan sebarang yuran yang didebitkan ke dalam Marginal Akaun Kad-i Bank Islam.
- (b) Sekiranya Pembiayaan Kad-i Bank Islam dibatalkan / ditamatkan, Akaun Marginal Kad-i Bank Islam akan ditutup dan baki kredit selepas potongan apa-apa baki, wang, yuran dan semua caj yang tertunggak seperti di bawah Pembiayaan Kad-i Bank Islam akan dibayar kepada Ahli Kad-i.

**14. Pemilikan Kad-i**

Kad-i yang dikeluarkan adalah tetap menjadi milik pihak Bank pada setiap masa dan Ahli Kad-i hendaklah memulangkannya kepada pihak Bank setelah memotong jalur magnetik dan cip apabila diminta untuk berbuat demikian atau jika penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad-i dibatalkan atau digantung.

**15. Kad-i Hilang/Dicuri dan Pendedahan PIN**

- (a) Ahli Kad-i hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mencegah kehilangan, kecurian, pendedahan PIN kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan atau penggunaan Kad-i secara tidak sah. Sebarang kehilangan, kecurian, pendedahan PIN kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan atau penggunaan Kad-i secara tidak sah hendaklah dilaporkan serta-merta kepada Pusat Panggilan Bank Islam melalui talian 03-26900 900.

- (b) Ahli Kad-i hendaklah bertanggungjawab terhadap semua caj dan apa saja pendahuluan yang timbul daripada transaksi, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan, yang dilaksanakan dengan Kad-i sebelum notis bertulis dalam format yang ditetapkan diberi tentang kehilangan, kecurian, pendedahan PIN kepada orang yang tidak dibenarkan atau penggunaan Kad-i secara tidak sah diterima oleh pihak Bank. Rekod pihak Bank mengenai sebarang transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad-i adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad-i.
- (c) Apabila Kad-i yang hilang atau dicuri ditemui, Ahli Kad-i tidak boleh menggunakan Kad-i yang ditemui dan hendaklah memulangkannya, kepada Bank serta-merta setelah memotong jalur magnetik dan cip selepas Kad-i ditemui. Pihak Bank tidak wajib untuk mengeluarkan kad gantian kepada Ahli Kad-i selepas Kad-i hilang atau dicuri.
- (d) Ahli Kad-i bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang berlaku pada transaksi dengan Kad-i yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuh, jika Ahli Kad-i didapati:-
  - (i) bertindak melakukan penipuan
  - (ii) lewat memaklumkan kepada pihak Bank sebaik sahaja selepas mendapati kehilangan Kad-i atau adanya penggunaan Kad-i tanpa kebenaran;
  - (iii) mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela;
  - (iv) menulis / merekodkan PIN Kad-i atau apa-apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad-i dan boleh hilang atau dicuri dengan Kad-i;
  - (v) meninggalkan Kad-i atau apa sahaja yang mengandungi Kad-i dalam keadaan tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diambil oleh orang lain melainkan di rumah kediaman. Walau bagaimanapun, Ahli Kad-i perlu untuk melakukan tugas berhati-hati dalam melindungi Kad-i tersebut walaupun di rumah kediaman.
  - (vi) membenarkan orang lain menggunakan Kad-i secara sukarela.

**16. Penggantungan, Pembatalan, atau Penamatan**

- (a) Tambahan kepada dan tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, pihak Bank boleh menamatkan Terma dan Syarat ini menerusi notis bertulis tanpa memberikan sebarang sebab untuk penamatan, dengan syarat pihak Bank mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa Ahli Kad-i telah menyalahgunakan Kad-i untuk sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan undang-undang atau telah melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini. Selepas ditamatkan penggunaannya, pihak Bank akan membatalkan Kad-i serta-merta sama tanpa perlu memastikan sama ada Kad-i tersebut dipulangkan kepada pihak Bank atau tidak.
- (b) Ahli Kad-i boleh membatalkan dan/atau menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam dengan memotong jalur magnetik dan cip dan memulangkan serta merta kepada pihak Bank dengan notis bertulis untuk memberi kesan kepada pembatalan dan/atau penamatan tersebut. Selepas itu, Ahli Kad-i hendaklah membayar penuh Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagian daripadanya yang masih berbaki dan perlu dibayar seperti di bawah Terma dan Syarat ini bersama dengan apa-apa jumlah terhutang seperti di bawah Pembiayaan Kad-i Bank Islam.
- (c) Ahli Kad-i dengan ini mengakui bahawa mana-mana Kad-i yang dibatalkan atau ditarik balik oleh Bank akan diletakkan dalam "Senarai Pembatalan" yang akan diedarkan kepada semua Saudagar Sah dan Pusat Pengeluaran Tunai Sah dan/atau semua cawangan Bank.

- (d) Selepas penamatan Pembiayaan Kad-i Bank Islam, Ahli Kad-i hendaklah terus menanggung liabiliti bagi sebarang transaksi (sah atau tidak sah) yang dilaksanakan menerusi penggunaan Kad-i sehinggalah tarikh Kad-i dipulangkan kepada pihak Bank oleh Ahli Kad-i.
- (e) Walau apa pun Tarikh Matang Bayaran yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam, seluruh jumlah yang masih berbaki dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam adalah muktamad, menjadi matang dan perlu dibayar apabila berlakunya perkara di atas seperti yang dinyatakan dalam Klausula 16 (a), (b), (c) and (d).
- (f) Tertakluk pada mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan disini dan/atau melainkan terhadap jumlah yang terhutang dan perlu dibayar timbul daripada penamatan oleh pihak Bank disebabkan kemungkiran terdahulu oleh Ahli Kad-i dan/atau berlakunya mana-mana keadaan yang dinyatakan dalam Klausula 21 (Kejadian-Kejadian Kemungkiran), mana-mana obligasi oleh pihak Bank dan/atau Ahli Kad-i hendaklah tamat dan tidak memberi sebarang kesan selainnya.
- (g) Mana-mana wang kemudiannya termasuk kesemua keuntungan dan caj lain yang di debit ke dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam selepas penamatan penggunaan Kad-i hendaklah menjadi terhutang dan perlu dibayar serta merta apabila dimasukkan ke dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam.

**17. Yuran dan Caj**

- (a) Ahli Kad-i bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebitkan yuran dan caj yang dikenakan (jika berkenaan) yang ada dalam Akaun Marginal Kad-i Bank Islam. Senarai yuran dan caj yang dikenakan boleh dirujuk melalui laman web [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my).
- (b) Ahli Kad-i bersetuju untuk membayar yuran guaman (Sama ada sebagai peguam cara atau anak guam) dan segala kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh pihak Bank dalam menguatkuasakan mana-mana hak dan kelayakan seperti di bawah Terma dan Syarat ini dan pemulihan wang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i kepada pihak Bank.
- (c) Ahli Kad-i bersetuju untuk membayar sebarang yuran dan caj munasabah lain yang dikenakan oleh pihak Bank bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad-i.
- (d) Walau apa pun peruntukan di atas dan tertakluk pada kelulusan daripada Bank Negara Malaysia dan prinsip serta undang-undang Syariah, pihak Bank atas budi bicara penuh boleh mengubah kadar yuran dan caj tersebut dengan mengeluarkan notis kepada Ahli Kad-i melalui apa-apa cara mana yang sesuai dan ditentukan oleh pihak Bank, termasuk tetapi tidak terhad untuk memaparkan notis tersebut melalui laman web pihak Bank.

**18. Pengeluaran Peringatan**

- (a) Pihak Bank berhak untuk mengeluarkan peringatan kepada Ahli Kad sama ada melalui notis bertulis atau melalui kaedah elektronik (jika disokong oleh pengendali telefon kad) berkenaan dengan Jumlah Minimum Perlu Dibayar dan Tarikh Matang Bayaran setiap bulan ("Peringatan"), tidak kira sama ada diminta oleh Ahli Kad-i atau tidak dan tertakluk pada terma dan kadar dan caj berkaitan pengendali telefon.

- (b) Ahli Kad-i sedar sepenuhnya bahawa apa-apa pengeluaran pengingatan kepada Ahli Kad-i mungkin terlewat, berhenti, dan/atau ditarik balik disebabkan oleh kerosakan teknikal dan/atau faktor yang menjejaskan perkhidmatan berkenaan, pengendali telefon dan entiti berkaitan yang lain.
- (c) Ahli Kad-i bersetuju bahawa Bank tidak menjamin penghantaran atau ketepatan kandungan setiap peringatan dan tidak bertanggungjawab terhadap kerugian dan kerosakan yang timbul daripada:
  - (i) kegagalan penghantaran, kelewatan penghantaran atau kesilapan penghantaran setiap peringatan;
  - (ii) kandungan setiap peringatan yang tidak tepat; atau
  - (iii) penggunaan atau pergantungan Ahli Kad-i kepada kandungan mana-mana peringatan untuk sebarang tujuan.
- (d) Maklumat berkaitan mana-mana peringatan mungkin tertakluk pada terlewat dan/atau tertunda. Ciri mana-mana peringatan boleh ditukar atau ditamatkan oleh bank pada bila-bila masa, dengan atau tanpa memberi notis, atas budi bicara mutlaknyanya.

**19. Pemantauan dan Rakaman Telefon**

Ahli Kad-i membenarkan pihak Bank untuk menghubungi Ahli Kad-i menerusi telefon dalam hal berkaitan dengan Pembiayaan Kad-i Bank Islam. Ahli Kad-i bersetuju bahawa panggilan sedemikian daripada pihak Bank mungkin dibuat tanpa diminta. Dari semasa ke semasa, pihak Bank boleh memantau dan/atau merakamkan panggilan telefon antara Ahli Kad-i dan pihak Bank. Ahli Kad-i bersetuju selanjutnya bahawa pemantauan dan/atau rakaman boleh dilakukan dan tiada notis tambahan kepada Ahli Kad-i atau kelulusan tambahan daripada Ahli Kad-i diperlukan.

**20. Representasi dan Jaminan daripada Ahli Kad-i**

Ahli Kad-i memberi representasi dan jaminan kepada Bank seperti yang berikut:

- (a) bahawa Terma dan Syarat ini sah adalah sah di sisi undang-undang dan mengikat terhadap obligasi Ahli Kad-i yang boleh dikuatkuasakan seperti di bawah syaratnya sendiri dan obligasi Ahli Kad-i di dalamnya tidak menyalahi sebarang undang-undang atau peraturan yang mengikat terhadap Ahli Kad-i;
- (b) bahawa tidak terdapat perintah mana-mana mahkamah atau agensi kerajaan atau peruntukan dalam sebarang perjanjian sedia ada yang mengikat ke atas Ahli Kad-i atau yang membabitkannya yang akan bertentangan atau dilanggar dengan menandatangani dan melaksanakan Terma dan Syarat ini;
- (c) bahawa tiada tindakan undang-undang atau penyiasatan oleh mana-mana badan agensi kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia lain atau mana-mana pihak lain yang sedang dilaksanakan atau menanti pelaksanaan terhadap Ahli Kad-i;
- (d) bahawa Ahli Kad-i tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang, perintah mahkamah, keputusan hakim dan lain-lain;
- (e) bahawa tiada tindakan kebangkrapan yang masih tertangguh terhadap Ahli Kad-i ;

- (f) bahawa hak dan obligasi pihak-pihak seperti di bawah Terma dan Syarat ini dikuatkuasakan dan ditakrifkan seperti di bawah undang-undang Malaysia;
- (g) bahawa Pembiayaan Kad-i Bank Islam tidak digunakan untuk tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah. Kebenaran dan ketepatan semua perkara yang dinyatakan dalam representasi dan jaminan dalam perenggan sebelum perenggan ini membentuk asas bagi komitmen pihak Bank untuk menyediakan Pembiayaan Kad-i Bank Islam kepada Ahli Kad-i. Jika mana-mana representasi dan/atau jaminan sedemikian dibuat pada bila-bila masa selepas ini didapati tidak benar dalam sebarang perkara yang material, maka dalam keadaan tersebut dan walau apapun yang menyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, pihak Bank berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam atau sebahagian daripadanya.

**21. Kejadian-Kejadian Kemungkiran**

Sekiranya berlaku mana-mana kejadian dan/atau keadaan berikut pada bila-bila masa dan tanpa mengira sama ada kejadian dan/atau keadaan tersebut berada dalam atau luar kawalan Ahli Kad-i, pihak Bank boleh menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam:-

- (a) jika Ahli Kad-i gagal, enggan dan/atau tidak menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar yang dinyatakan dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam buat dua (2) Tarikh Matang Bayaran berturut-turut;
- (b) jika sebarang prosiding, saman atau tindakan undang-undang dalam apa jua bentuk (sama ada jenayah atau sivil) diambil terhadap Ahli Kad-i;
- (c) jika Ahli Kad-i diputuskan sebagai muflis atau tidak mampu bayar atau prosiding kemuflihan difailkan atau dilaksanakan terhadap Ahli Kad-i;
- (d) jika Ahli Kad-i meninggal dunia atau menjadi tidak waras atau tidak siaman;
- (e) jika pelaksanaan distres, penahanan atau prosiding undang-undang lain dikenakan, dikuatkuasakan atau dikeluarkan terhadap semua atau mana-mana harta Ahli Kad-i dan prosiding tersebut tidak dilepaskan atau digantung;
- (f) jika selepas semakan kredit dibuat, Bank berpendapat bahawa demi kepentingannya, Bank tidak patut terus memberikan Pembiayaan Kad-i Bank Islam kepada Ahli Kad-i;
- (g) sekiranya satu kejadian atau siri kejadian sama ada yang berkaitan atau tidak (termasuk, tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan penting ketara dalam perniagaan, aset atau keadaan kewangan Ahli Kad-i) telah berlaku yang pada pendapat Bank mempunyai kesan muktamad dan mengikat (tanpa memberikan sebarang sebab atau bukti) yang boleh atau mungkin mempengaruhi atau menjejaskan keupayaan atau kesanggupan Ahli Kad-i untuk menunaikan atau mematuhi semua atau mana-mana obligasinya dalam ini;
- (h) jika Ahli Kad-i menggunakan Kad-i melebihi jumlah Pembiayaan Kad-i Bank Islam Ahli Kad-i;
- (i) jika Ahli Kad-i gagal mematuhi sebarang peruntukan yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini;

- 
- (j) jika Ahli Kad-i melanggar atau mengancam untuk melanggar mana-mana terma, syarat, ketetapan atau perjanjian yang terkandung dalam ini sama ada secara tersurat atau tersirat dalam apa jua cara sekalipun;
  - (k) jika Ahli Kad-i gagal membayar atau mengancam untuk tidak membayar sebarang tanggungannya seperti di bawah kontrak dengan mana-mana pihak lain termasuk Bank, berkaitan dengan pinjaman/pembiayaannya;
  - (l) jika kedudukan Ahli Kad-i tidak diketahui oleh Bank atau jika Ahli Kad-i tidak dapat dikesan, dihubungi atau dicari;
  - (m) jika Ahli Kad-i membuat penyerahan hak bagi manfaat pemiutang Ahli Kad-i atau membuat atau cuba membuat pengaturan atau pembahagian demi manfaat pemiutang atau tidak mematuhi mana-mana keputusan mahkamah untuk tempoh empat belas (14) hari atau lebih;
  - (n) jika Terma dan Syarat ini dicabar kesahihannya oleh Ahli Kad-i atau mana-mana pihak lain;
  - (o) jika pada pendapat pihak Bank Ahli Kad-i tidak menyenggara dengan cara yang memuaskan, mana-mana akaun dengan pihak Bank atau mana-mana cawangannya atau mana-mana entiti yang berkaitan dengan pihak Bank;
  - (p) jika Ahli Kad-i enggan atau gagal mendedahkan sebarang maklumat atau memberikan sebarang bukti berdokumen yang pada pendapat Bank (dianggap muktamad dan mengikat) diperlukan oleh pihak Bank untuk menentukan kedudukan kewangan Ahli Kad-i;
  - (q) jika Kad-i berulang kali dilaporkan hilang atau rosak;
  - (r) jika terdapat kejadian, yang pada pendapat pihak Bank (dianggap muktamad dan mengikat) boleh dipersoalkan atau tidak boleh dijelaskan atau transaksi menyalahi undang-undang yang membabitkan penggunaan Kad-i;
  - (s) jika tindakan Bank untuk terus menawarkan penggunaan Kad-i atau Pembiayaan Kad-i Bank Islam kepada Ahli Kad-i melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, arahan kerajaan atau keperluan perundangan yang berkenaan;
  - (t) jika Ahli Kad-i cuai dalam menjaga dan mengawal Kad-i atau PIN, atau jika pada pendapat Bank (yang dianggap muktamad dan mengikat), Ahli Kad-i telah membenarkan atau membolehkan penyalahgunaan dan penipuan dilakukan berkaitan dengan atau berhubung dengan Kad-i menerusi sebarang tindakan, kegagalan melakukan sesuatu atau menerusi sebarang cara lain; atau
  - (u) jika Ahli Kad-i menamatkan penggunaan Kad-i menurut Terma dan Syarat ini, Bank berhak:-
    - (i) untuk menamatkan Pembiayaan Kad-i Bank Islam ini, maka Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagiannya yang belum dibayar akan menjadi matang dan perlu dibayar kepada pihak Bank, dan untuk membatalkan dan menarik balik Kad-i; atau
    - (ii) untuk menggantung atau mengehentikan penggunaan Kad-i oleh Ahli Kad-i seperti



di bawah Akaun Marginal Kad-i Bank Islam; atau

- (iii) tidak memperbaharui atau menggantikan Kad-i apabila tamat tempohnya iaitu Terma dan Syarat ini akan ditamatkan dan Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagiannya yang belum dibayar seterusnya menjadi matang dan perlu dibayar kepada pihak Bank.

**22. Pembayaran Segera**

Pihak Bank hendaklah mempunyai budi bicara mutlak untuk menuntut pembayaran segera sebahagian atau penyelesaian penuh kemudahan pembiayaan atau baki Harga Jualan Bank dengan menggunakan jumlah yang masih berbaki dalam Akaun Marginal Kad-i dalam tempoh pembiayaan atau selepas tempoh matang sekiranya:

- (a) terdapat apa-apa keadaan yang boleh membatalkan apa-apa representasi yang diberikan oleh Ahli Kad-i;
- (b) jika apa-apa representasi atau jaminan yang diberikan atau dianggap diberikan oleh Ahli Kad-i dibuktikan tidak benar atau mengelirukan dalam apa jua perkara atau pada tarikh ianya dibuktikan atau dianggap dibuktikan atau sekiranya ianya berulang pada bila-bila masa dengan merujuk fakta dan keadaan-keadaan yang wujud pada masa tersebut adalah tidak tepat dalam setiap keadaan;
- (c) jika terdapat sebarang pelanggaran terhadap terma-terma dan syarat-syarat Pembiayaan Kad-i Bank Islam ini; atau
- (d) terdapat apa-apa keadaan lain yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya secara mutlak.

**23. Hak Untuk Penggabungan dan Tolakan**

Selepas berlakunya kegagalan membayar, dan setelah memberikan notis tidak kurang tujuh (7) hari kepada Ahli Kad-i, pihak Bank boleh menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad-i, sama ada akaun semasa, pelaburan atau akaun lain, dengan liabiliti terhadap Bank dan pihak Bank boleh membuat tolakan atau memindahkan sebarang jumlah yang ada di bahagian kredit akaun tersebut untuk menjelaskan mana-mana liabiliti Ahli Kad-i kepada Bank.

**24. Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam**

- (a) penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam untuk Akaun Marginal Kad-i hendaklah dihantar kepada Ahli Kad-i secara bulanan, tanpa caj, pada tarikh yang ditentukan oleh pihak Bank, dan dengan ini dirujuk sebagai Tarikh Penyata.
- (b) penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam yang menyatakan amaun yang perlu dibayar oleh Ahli Kad-i seperti di bawah terma dan syarat yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Bank hendaklah sekiranya tiada kesilapan ketara, menjadi bukti muktamad suatu amaun yang sebenarnya perlu dibayar oleh Ahli Kad-i.
- (c) Semua rekod dan catatan dalam penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam akan dianggap benar, betul dan mengikat Ahli Kad-i melainkan Ahli Kad-i memaklumkan Bank secara bertulis tentang kesilapan, percanggahan, dan/atau transaksi tanpa kebenaran (jika ada) dalam Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam tidak lewat daripada empat belas (14) hari daripada tarikh Penyata Pembiayaan Kad-i Bank Islam.

**25. Kerugian**

- (a) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad-i dalam kontrak atau tort atau selainnya bagi apa-apa kerugian, kos, liabiliti atau perbelanjaan yang secara langsung atau tidak langsung (termasuk, tanpa had, kehilangan keuntungan, kehilangan simpanan atau kehilangan nama baik) kecuali disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat oleh Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab berhubung dengan apa-apa keingkaran, kecuaiian atau penipuan daripada Penjual komoditi, Pembeli komoditi atau mana-mana orang, firma atau syarikat dengan siapa transaksi yang dilaksanakan untuk akaun Ahli Kad-i.
- (b) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan Ahli Kad-i untuk melakukan tanggungjawab dan obligasi yang tepat dan sewajarnya seperti di bawah Terma dan Syarat ini.
- (c) Ahli Kad-i hendaklah memastikan Bank terhindar daripada dan terhadap apa-apa kerugian, kos (termasuk apa-apa kos penguatkuasaan), liabiliti (termasuk apa-apa liabiliti cukai), tuntutan, permintaan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Bank dalam melaksanakan tanggungjawabnya yang sah dan wajar seperti di bawah Perjanjian ini, melainkan jika apa-apa kerugian, kos, liabiliti, tuntutan, permintaan atau ganti rugi yang timbul secara langsung oleh sebab apa-apa salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat pada pihak Bank.

**26. Penepian Hak**

Sebarang kelonggaran, pengecualian penguatkuasaan, lanjutan masa, kegagalan atau kelewatan pihak Bank untuk mengambil tindakan atau kegagalan untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang ada pada pihak Bank seperti di bawah Terma dan Syarat ini, atau sebarang cagaran yang memihak pihak Bank apabila berlaku kegagalan pembayaran oleh Ahli Kad-i, tidak akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi atau tidak dianggap sebagai penepian atau sebagai persetujuan Bank terhadap mana-mana kegagalan pembayaran dan tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi Bank berhubung dengan sebarang kegagalan pembayaran lain atau seterusnya, dan mana-mana satu usaha atau sebahagian daripada usaha untuk melaksanakan mana-mana hak atau remedi tidak akan menghalang sebarang pelaksanaan hak atau remedi selanjutnya atau pelaksanaan hak atau remedi lain. Hak dan remedi yang diberikan dalam ini terkumpul dan tidak menepikan sebarang hak atau remedi lain yang diberi seperti di bawah undang-undang.

**27. Masa**

Masa yang disebutkan adalah penting dalam konteks Terma dan Syarat ini.

**28. Kata Mula dan Jadual**

Kata Mula dan Jadual yang terkandung dalam ini hendaklah dibaca dan ditakrifkan sebagai sebahagian penting daripada Terma dan Syarat ini.

**29. Pembayaran**

a) Bayaran Minimum

Bayaran minimum setiap bulan oleh anda sebagai Ahli Kad adalah seperti yang berikut:

- 5% dari Baki Penyata (tidak termasuk Pelan Bayaran Ansuran (IPP), Pelan Ansuran Transaksi Runcit (RSVP) dan Baki Qard) atau RM50, mana-mana yang lebih tinggi; dan
- Baki Qard (jika ada); dan
- Bayaran Minimum Tertunggak (jika ada); dan
- Pelan Bayaran Ansuran (IPP) dan Pelan Ansuran Transaksi Runcit (RSVP) (jika ada)\*

Nota:

**Baki Qard-** Bermaksud mana-mana transaksi yang diluluskan yang menyebabkan penggunaan kad kredit melebihi had pembiayaan melalui permohonan Ahli Kad dan dengan budi bicara bank. Baki Qard boleh dikira dengan menolak amaun Baki Penyata dengan had pembiayaan.

**Bayaran Minimum Tertunggak-** Bermaksud jumlah bayaran minimum bulan sebelumnya yang masih belum dilunaskan.

\*Hanya untuk langganan IPP dan RSVP baharu dari 2 Oktober 2019 dan seterusnya

b) Kegagalan Pembayaran

Ahli Kad-i dinasihatkan untuk membuat pembayaran segera bagi setiap tempoh pembayaran. Sekiranya Ahli Kad-i hanya membuat bayaran minimum, Ahli Kad-i mungkin dikenakan lebih banyak caj keuntungan dan ia akan mengambil masa yang lebih lama untuk melunaskan baki.

Sekiranya Ahli Kad-i membuat bayaran dengan jumlah yang lebih rendah daripada bayaran minimum yang perlu dibayar atau tidak membuat sebarang pembayaran, pihak Bank mempunyai hak untuk menguatkuasakan remedi-remedi dan/atau hak Bank sebagaimana yang dinyatakan dalam klausa 16 dan 22.

Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran, Ahli Kad-i juga perlu untuk menanggung yuran dan/atau caj tambahan termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran lewat, caj keuntungan yang lebih tinggi dan yuran guaman (jika ada).

c) Pembayaran Penuh

Jika ada apa-apa yang bertentangan yang terkandung dalam ini, adalah dengan ini dipersetujui bahawa atas memenuhi tuntutan pembayaran atau selain daripada sebarang keberhutangan, semua peruntukan yang terkandung dalam ini akan terhenti daripada apa-apa kesan tanpa menjejaskan hak dan remedi Bank terhadap Ahli Kad-i berkenaan dengan apa-apa tuntutan atau pelanggaran.

**30. Penyusunan Semula Bank dan Ahli Kad-i**

Sekuriti, hak, liabiliti, obligasi yang diwujudkan oleh Terma dan Syarat ini hendaklah terus dianggap sah dan mengikat untuk semua tujuan walaupun berlaku perubahan menerusi penggabungan, penyusunan semula atau cara lain yang mungkin dibuat terhadap perlembagaan pihak Bank dan dengan cara yang sama liabiliti dan/atau obligasi yang diwujudkan oleh Terma dan Syarat ini akan terus dianggap sah dan mengikat untuk semua tujuan walaupun terdapat perubahan menerusi penggabungan, penyusunan semula atau cara lain dalam perlembagaan Ahli Kad-i dan adalah dengan ini dinyatakan secara tersurat bahawa tiada perubahan sekalipun yang dibuat berkaitan dengan atau yang mempengaruhi Ahli Kad-i akan mempengaruhi sekuriti, liabiliti dan/atau obligasi yang diwujudkan seperti di bawah ini berkaitan dengan apa jua bentuk transaksi sama ada masa lalu, masa kini atau masa depan.

**31. Lanjutan Masa**

Liabiliti dan obligasi Ahli Kad-i tidak akan terjejas atau dilepaskan atas sebab sebarang pengecualian penguatkuasaan atau lanjutan masa lain yang diberikan oleh atau dengan kebenaran pihak Bank kepada Ahli Kad-i, kepada mana-mana orang yang bertanggungjawab atau mungkin menanggung liabiliti dalam apa jua cara untuk membayar sebarang wang yang dicagarkan dalam ini atau menerusi sebarang cagaran lain untuk Bank atau atas sebab perjanjian yang dibuat atau pembahagian yang diterima oleh Bank yang mengubah pelaksanaan undang-undang atau yang mengubah hak dan remedi pihak Bank seperti di bawah peruntukan Terma dan Syarat ini.

**32. Perubahan Terma dan Syarat**

Pihak Bank, tertakluk pada had yang dibenarkan oleh prinsip-prinsip Syariah dan undang-undang, layak atas budi bicara mutlaknya mengubah atau meminda Terma dan Syarat ini dengan memberi notis bertulis kepada Ahli Kad-i dan pindaan dan perubahan yang dibuat hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti yang dirujuk sebelum ini dalam Klausula ini dan tidak ada apa yang terkandung dalam ini boleh ditakrifkan sebagai melarang atau menyekat atau menjejaskan hak pihak Bank dalam ini untuk menggubah atau meminda terma dan/atau syarat tanpa keperluan untuk mendapatkan persetujuan atau pengesahan Ahli Kad-i.

**33. Salinan Dokumen**

Terma dan Syarat ini boleh ditandatangani dalam sebarang jumlah salinan, di mana setiap satu apabila dilaksanakan dan disampaikan, hendaklah dianggap sebagai dokumen asal, tetapi semua salinan hendaklah secara bersama mewakili satu instrumen tunggal dan sama.

**34. Penyerahan Manfaat, Pengganti, dll**

Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat dan berkuat kuasa ke atas pihak Bank dan Ahli Kad-i dan pengganti hak milik dan penerima serah hak masing-masing, kecuali Ahli Kad-i tidak boleh menyerahkan hak atau obligasinya seperti di bawah ini atau sebarang kepentingan di dalam ini tanpa kebenaran bertulis pihak Bank terlebih dahulu, namun begitu Ahli Kad-i tetap menanggung liabiliti bagi semua obligasinya seperti di bawah ini sekiranya berlaku kegagalan mendedahkan fakta material berkaitan dengan penyerahan hak Ahli Kad-i, yang sekiranya didedahkan akan mempengaruhi keputusan pihak Bank untuk bersetuju dengan penyerahan hak tersebut. Semua aku janji, perjanjian, representasi dan jaminan yang diberikan, dibuat atau dimeterai oleh Ahli Kad-i seperti Terma dan Syarat ini hendaklah terus kekal dalam sebarang penyerahan hak yang dilaksanakan di bawahnya.

- 35. Tajuk**  
Tajuk kepada Perkara dan Klausula dalam Terma dan Syarat ini untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak menjejaskan pentafsiran dan maksud kandungan Perkara dan Klausula tersebut.
- 36. Kerahsiaan**  
Tertakluk pada Klausula 7, kandungan Klausula ini dan urusan niaga yang dinyatakan dalam Klausula 8 hendaklah dirahsiakan oleh pihak-pihak untuk tempoh Perjanjian ini dan selepas itu hendaklah tamat melainkan untuk apa-apa perkara yang menjadi suatu perkara yang diketahui umum bukan melalui salah satu pihak dan seperti yang dikehendaki oleh perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwajib atau mana-mana pihak berkuasa pentadbiran yang cekap.
- 37. Tugas**  
Pihak Bank boleh menyerahkan hak atau memindahkan hak, faedah atau obligasi dalam Pembiayaan Kad-i Bank Islam ini kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang mana ia adalah ahli, atau mana-mana gabungannya tanpa mendapat izin daripada Ahli Kad-i, dan kos tentangnya, jika ada, hendaklah ditanggung oleh Ahli Kad-i.
- 38. Undang-Undang**  
Terma dan Syarat ini hendaklah dikuatkuasakan dan ditakrifkan dalam segala hal menurut undang-undang Malaysia.
- 39. Perbelanjaan yang Ditanggung oleh Bank untuk dan bagi pihak Ahli Kad-i**  
Semua wang yang dibelanjakan oleh pihak Bank seperti di bawah Terma dan Syarat ini daripada masa ke masa untuk dan bagi pihak Ahli Kad-i dan untuk akaunnya hendaklah dipulihkan semula daripada Ahli Kad-i dan hendaklah dibayar balik apabila diminta oleh pihak Bank.
- 40. Akaun Tergantung dan Akaun Baru atau Berasingan**
- (a) Sebarang wang yang diterima seperti di bawah Terma dan Syarat ini boleh diletakkan atau disimpan di bahagian kredit akaun tergantung selagi pihak Bank berpendapat tindakan ini wajar, tanpa sebarang obligasi untuk menggunakan wang tersebut atau mana-mana bahagiannya untuk melunaskan sebarang wang atau liabiliti yang dihutang atau ditanggung oleh Ahli Kad-i kepada pihak Bank. Walau bagaimanapun bayaran sedemikian sekiranya berlaku prosiding atau pembubaran atau pengaturan bagi kemufilsan, Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau pembahagian bagi semua atau sebahagian daripada wang dan liabiliti tersebut dengan cara yang sama seolah-olah Terma dan Syarat ini tidak wujud.
- (b) Jika Ahli Kad-i melaksanakan atau menyebabkan pelaksanaan atau mewujudkan sebarang bebanan tambahan atau lanjutan ke atas mana-mana aset untuk mana-mana syarikat atau orang lain dan Bank menerima notis mengenainya sama ada secara sebenar atau membina, apabila menerima notis tersebut Bank boleh membuka akaun baru atau berasingan bagi Ahli Kad-i dalam bukunya dan jika Bank tidak membuka akaun baru atau berasingan, Bank tetap dianggap telah melakukannya pada masa Bank menerima atau dianggap menerima notis tersebut dan mulai dan selepas masa tersebut, semua bayaran ke akaun yang dibuat oleh Ahli Kad-i kepada Bank hendaklah (walau bagaimanapun peraturan seperti di bawah undang-undang atau saksama atau andaian yang sebaliknya) diletakkan atau dianggap diletakkan di bahagian kredit akaun baru atau berasingan yang dibuka atau dianggap dibuka dan tidak akan digunakan untuk mengurangkan jumlah yang dihutang oleh Ahli Kad-i

kepada Bank pada masa notis tersebut dianggap diterima. Dengan syarat dalam segala keadaan bahawa peruntukan Klausula ini tidak akan menjejaskan cagaran yang sepatutnya disediakan seperti di bawah Terma dan Syarat ini untuk membayar wang yang perlu dibayar oleh Ahli Kad-i walaupun jumlah tersebut mungkin matang atau dihutang atau ditanggung selepas Bank menerima atau dianggap menerima notis yang dinyatakan di atas.

**41. Pendedahan Maklumat**

- a) Bank tidak akan mendedahkan data peribadi Ahli Kad-i termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel kepada mana-mana pihak luar yang lain daripada pihak yang disenaraikan seperti di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") selain daripada untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Ahli Kad-i, melainkan jika Bank mendapat kebenaran daripada Ahli Kad-i, atau sama ada terletak seperti di bawah tanggungjawab undang-undang atau apa-apa kewajipan lain untuk berbuat demikian: -
- (i) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan Bank Islam yang merangkumi syarikat induk Bank, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangan;
  - (ii) pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans / pengendali Takaful atau insurans / broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang berada seperti di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data Ahli Kad-i;
  - (iii) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan/atau kewajipan Bank di bawah apa-apa transaksi antara pihak Bank dan Ahli Kad-i (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional);
  - (iv) mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung / tidak langsung perlindungan kredit kepada Bank;
  - (v) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan / penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal;
  - (vi) mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit Ahli Kad-i dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank kepada Ahli Kad-i;
  - (vii) apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing;
  - (viii) mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan Ahli Kad-i.

- b) Ahli Kad-i dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan dengan ini mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung dalamnya hendaklah tertakluk pada Kenyataan Privasi yang berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang ditandatangani dengan Bank dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi, terma dan syarat dalam Kenyataan Privasi akan diguna pakai.

**42. Anti Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan**

Untuk mematuhi undang-undang tempatan, luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan yang baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan laporan seperti di bawah undang-undang dan permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, pihak Bank boleh:

- a) Melarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan individu atau entiti tertentu (contohnya individu atau entiti yang dipersetujui atau dihubungkan dengan atau berurusan dengan (secara langsung atau tidak langsung) mana-mana individu atau entiti yang dikenakan seperti di bawah sekatan ekonomi dan perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pengawal selia seperti di bawah mana-mana bidang kuasa.
- b) Melaporkan transaksi yang mencurigakan atau potensi pelanggaran sekatan kepada pihak berkuasa di mana-mana bidang kuasa di iaitu pihak Bank mungkin perlu memutuskan untuk mendedahkan. Transaksi yang terlibat termasuk yang mungkin:
  - i) melibatkan penyediaan kewangan kepada mana-mana orang yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan pengganas;
  - ii) mempunyai kaitan yang relevan berkaitan dengan siasatan terhadap suatu undang-undang percubaan atau percubaan yang sebenarnya, penyiasatan atau pendakwaan terhadap seseorang untuk suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berlaku; atau
  - iii) melibatkan orang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan.
- c) Memintas dan menyiasat apa-apa mesej pembayaran dan maklumat lengkap atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh Ahli Kad-i atau bagi pihak Ahli Kad-i dan boleh melambatkan, menyekat atau enggan membuat apa-apa bayaran dan pemeriksaan pembayaran boleh menyebabkan kelewatan memproses maklumat tertentu.
- d) Mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu, yang merangkumi pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan dana daripada Ahli Kad-i, tidak membenarkan Ahli Kad-i menggunakan produk, atau melambatkan atau membatalkan transaksi. Pihak Bank tidak perlu memberitahu Ahli Kad-i sehingga masa yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian seperti di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh pihak Bank, dalam melaksanakan

apa-apa kewajipan atau kewajipan lain, yang disebabkan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan apa-apa langkah yang diambil seperti yang dinyatakan di atas.

- e) Tidak menerima apa-apa deposit daripada apa-apa wang atau cek dan/atau membenarkan atau menjalankan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan akaun Ahli Kad-i termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pemindahan dan pemindahan telegraf wang daripada atau ke akaun Ahli Kad-i jika pihak Bank mempunyai sebab untuk menerima atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun Ahli Kad-i digunakan atau terlibat dalam penipuan, penipuan yang berpotensi, jenayah kewangan, aktiviti haram, permintaan skim pelaburan kewangan haram, pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan aktiviti-aktiviti. Pihak Bank juga hendaklah (tertakluk pada tahap yang dibenarkan oleh undang-undang), berhak untuk menutup, membekukan atau sebaliknya berurusan dengan akaun yang mana-mana yang difikirkan sesuai.

**43. Perubahan Keadaan**

Jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang, peraturan atau keperluan peraturan yang berkuat kuasa atau dalam pentafsiran atau penggunaannya atau jika pematuhan pihak Bank kepada sebarang arahan, permintaan atau keperluan berkaitan (sama ada mempunyai kuasa seperti di bawah undang-undang atau tidak) daripada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa lain menyebabkan pihak Bank mengalami sebarang keadaan, beban atau obligasi yang pada pendapat mutlak pihak Bank, menjadikan penyediaan atau penyenggaraan Pembiayaan Kad-i Bank Islam tidak memihak kepada pihak Bank, maka dengan notis daripada Bank, Pembiayaan Kad-i Bank Islam akan dianggap sebagai batal iaitu Ahli Kad-i hendaklah membayar pihak Bank jumlah terutang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh penerimaan notis tersebut oleh Ahli Kad-i.

**44. Ketaksahan Sebarang Peruntukan**

Sebarang peruntukan Terma dan Syarat ini yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau dilarang tidak akan menjejaskan kesahihan atau keupayaan menguatkuasakan peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini.

**45. Perkara Di Luar Kawalan**

Walau apapun peruntukan Terma dan Syarat ini, pihak Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan pada pihak Bank untuk melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Terma dan Syarat ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan atau kegagalan bertindak mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau tempatan atau sebarang mogok, pemuluan, sekatan atau bencana alam, gangguan awam atau sebab di luar kawalan pihak Bank.

**46. Pelantikan Ejen Kutipan**

Untuk mengukuhkan dan bukan mengurangkan haknya seperti di bawah Terma dan Syarat ini, pihak Bank berhak atas budi bicara mutlaknya dan apabila dianggap perlu untuk melantik atau memberi kebenaran kepada ejen pilihannya untuk bertindak bagi pihaknya untuk tujuan mengutip kembali sebarang atau semua wang yang tertangguh dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i kepada pihak Bank seperti di bawah Terma dan Syarat ini. Ahli Kad-i dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkenaan Ahli Kad-i dan Akaun Marginal Kad-i kepada mana-mana ejen yang dilantik dengan sewajarnya untuk tujuan mendapatkan kembali sebarang atau semua wang



yang terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad-i kepada pihak Bank seperti di bawah Terma dan Syarat ini.

**47. Ta'widh (Pampasan)**

Ta'widh (Pampasan) akan di caj pada hari kelima (5) selepas Tarikh Matang Bayaran, sekiranya Ahli Kad-i gagal untuk membayar bayaran bulanan minimum. Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Ahli Kad-i hendaklah membayar kepada pihak Bank, melalui Ta'widh (Pampasan), bayaran fi sebanyak 1% daripada jumlah terhutang berbaki atau RM5.00 mana-mana yang lebih tinggi, tertakluk pada had maksimum sebanyak RM50.00.

**48. Penyerahan Notis, Proses Perundangan dan lain-lain**

- (a) Sebarang permintaan, notis atau proses undang-undang yang diperlukan atau dibenarkan untuk diberikan atau dibuat seperti di bawah Terma dan Syarat ini yang dikemukakan kepada Bank atau Ahli Kad-i hendaklah dibuat secara bertulis dan bagi pihak Bank, hendaklah ditandatangani oleh mana-mana Pengurus atau pegawai sah Bank atau peguam cara atau firma peguam cara yang mewakili pihak Bank.
- (b) Sebarang permintaan, notis atau proses undang-undang sedemikian hendaklah dianggap diberikan atau dibuat dengan sewajarnya jika dihantar ke alamat pihak dalam ini dan dianggap telah diserahkan dan diterima dengan sewajarnya oleh pihak yang satu lagi selepas tamatnya tempoh lima (5) hari dari tarikh ia dipos atau dihantar dengan tangan atau dihantar menerusi khidmat kiriman cepat kepada pihak yang satu lagi, yang perlu dikemukakan kepada peguam caranya, pada hari ia diserahkan.
- (c) Perubahan alamat Ahli Kad-i, tidak kira bagaimana ia dibuat, tidak akan dianggap berkesan atau mengikat pihak Bank melainkan Ahli Kad-i telah memberi pihak Bank notis sebenar secara bertulis tentang perubahan alamat dan tiada perkara yang dilakukan yang bergantung kepada peruntukan ini akan dipengaruhi atau terjejas oleh sebarang perubahan alamat selanjutnya Ahli Kad-i iaitu pihak Bank tidak mengetahuinya pada masa tindakan atau perkara tersebut dilakukan atau dilaksanakan.

**49. Kebenaran Untuk Mendebit Akaun**

Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun semasa/ simpanan atau mana-mana akaun pelanggan di Bank (termasuk mencairkan akaun yang memberi kesan kepada penebusan pramatang) untuk pembayaran keuntungan dan/ atau prinsipal yang perlu dibayar kepada bank, sumbangan takaful, fi, caj dan mana-mana bayaran yang perlu dibayar di bawah kemudahan ini, sepertimana yang dinyatakan dalam terma dan syarat, lembaran pendedahan produk, laman web korporat Bank Islam dan/ atau mana-mana medium komunikasi yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

**50. Hak untuk Menyerahkan Tugas Kutipan Hutang dan Menjual Pembiayaan Tidak Berbayar (NPF)**

Ahli Kad-i dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk menyerahkan tugas kutipan hutang atau menjual atau memindahkan pembiayaan tidak berbayar (NPF) kepada mana-mana agensi, syarikat, institusi kewangan yang berlesen atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan mengikut budi bicara pihak Bank dengan notis kepada Ahli Kad-i.

**51. Kematian Ahli Kad-i**

Tanpa menghilangkan dan/atau menghadkan hak dan remedi pihak Bank yang termaktub dalam kemudahan Kad-i dan/atau dokumen-dokumen sekuriti, jika berlakunya kematian Ahli Kad-i, waris Ahli Kad-i yang sah perlu membuat pembayaran ke atas Kad-i yang belum dijelaskan sehingga penyelesaian penuh berdasarkan terma-terma yang dipersetujui.

**52. Lain-lain**

- (a) Walau apapun yang dinyatakan di sini, sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara pernyataan/perakuan bertulis dan pernyataan/perakuan secara lisan, maka, pernyataan/perakuan bertulis hendaklah terpakai.
- (b) Ahli Kad-i hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera untuk sebarang perubahan atau kemas kini yang berkaitan dengan maklumat Ahli Kad-i seperti nombor telefon dan alamat surat-menyurat.
- (c) Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami melalui:

Pusat Kad Bank Islam  
Aras 24, Menara Bank Islam,  
No 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2726 7666  
Faks: 03-2726 7606  
Emel: [bicc.customer.service@bankislam.com.my](mailto:bicc.customer.service@bankislam.com.my)  
Laman Web: [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

- (d) Jika anda ingin membuat aduan terhadap produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, sila hubungi kami melalui:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan  
Bank Islam Malaysia Berhad  
Aras 17, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2690 0900  
Fax: 03-2782 1337  
Emel: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my) atau [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]